

## SIARAN BERITA

### **SALAH FAHAM TERHADAP VAPE BOLEH MEMBAWA KEPADA POLISI DAN PERATURAN YANG TIDAK BERKESAN**

**KUALA LUMPUR, 30 June 2022** – Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy (ACATA) menyuarakan kebimbangannya terhadap bahaya pengkongsian maklumat yang tidak tepat mengenai produk pengurangan kemudaratkan seperti vape, terutamanya di kalangan pihak berkepentingan yang kini sedang membangunkan peraturan untuk vape di Malaysia

ACATA yang merupakan organisasi yang giat memberi advokasi berkaitan terapi ketagihan, membuat kenyataan ini, berikutan pandangan oleh Pakar Kesihatan Awam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Professor Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh, yang telah berkongsi mengenai kecederaan paru-paru berkaitan vape atau EVALI.

**Dr Arifin Fii, Presiden Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy** berkata, "EVALI muncul selepas beberapa laporan mengenai kecederaan paru-paru di kalangan belia yang menggunakan vape di Amerika Syarikat pada 2019. Vape telah dipersalahkan yang telah membawa kepada larangan sepenuhnya penggunaan di Massachusetts yang berlarutan berbulan-bulan, mengakibatkan beberapa kedai vape terpaksa gulung tikar."

"Bagaimanapun, [Center for Disease Control and Prevention \(CDC\)](#) kemudiannya telah mengenal pasti bahawa punca sebenar EVALI adalah kehadiran vitamin E asetat yang ditambah ke dalam e-jus tercemar Tetrahydrocannabinol (THC) haram. Vape bukanlah masalahnya, tetapi penyalahgunaan produk adalah punca sebenar. Malangnya, kerosakan telah berlaku, dan reputasi vape kekal buruk sehingga hari ini. Ia mengakibatkan perokok tidak terdorong untuk beralih kepada alternatif yang kurang memudaratkan ini."

Dr Arifin menambah, tanggapan salah seperti itu bukan sahaja biasa di kalangan orang ramai, tetapi juga di kalangan profesional perubatan dan pihak berkepentingan kerajaan.

"Laporan yang tidak tepat mengenai EVALI berleluasa, menyebabkan pembuat dasar ragu-ragu mengenai keselamatan dan keberkesanan menggunakan strategi pengurangan kemudaratkan di Malaysia terutamanya mengenai keberkesanan dan keselamatan vape."

"Ini sudah tentu kebimbangan yang berasas. Vape bukanlah tidak memudaratkan sepenuhnya dan kerana vape adalah agak baru, kesan jangka panjangnya belum diketahui sepenuhnya. Walau bagaimanapun, bukti saintifik setakat ini positif menunjukkan bahawa vape berkemungkinan jauh kurang memudaratkan kepada kesihatan berbanding menghisap rokok. Kita tahu dengan pasti bahawa merokok sangat berbahaya untuk kesihatan dan dikaitkan dengan banyak penyakit. Vape boleh menjadi alternatif yang kurang memudaratkan dan cara yang berkesan untuk membantu orang ramai berjaya berhenti merokok. Malah, pelbagai kajian antarabangsa yang boleh dipercayai menyokong strategi pengurangan kemudaratkan."

Beliau menambah, untuk memastikan keselamatan pengguna vape bagi penggunaannya sebagai alternatif kepada merokok dan alat berhenti merokok, peraturan yang komprehensif sangat diperlukan.

"Untuk strategi pengurangan kemudaratkan berfungsi, rangka kerja kawal selia yang realistik dan berkadar risiko yang berbeza daripada produk tembakau mesti diperkenalkan. Bukti

tentang risiko dan faedah mesti dikaji dan data ini boleh digunakan untuk membangunkan peraturan yang sesuai untuk produk seperti vape. Mendidik orang yang berisiko iaitu perokok tentang vape adalah penting, kerana mereka adalah golongan yang paling mendapat manfaat daripada vape. Paling penting ialah mereka menerima maklumat yang betul, tepat dan berasaskan bukti,” katanya mengakhiri.

### **Mengenai Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy**

Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy atau ACATA ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berusaha untuk mengurangkan kemudaratan berkaitan ketagihan rakyat Malaysia. Ia mempromosikan dasar kesihatan awam berasaskan bukti dengan pendekatan berasaskan hak asasi manusia, melalui penyelidikan dan analisis. Diterajui oleh profesional perubatan, ACATA berusaha untuk meningkatkan kajian tempatan tentang ketagihan dan pelaksanaan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan sains progresif melalui advokasi, kesedaran awam, pendidikan dan penyebaran penyelidikan.

Untuk maklumat lanjut, layari <http://acata.com.my/index.html>